

24 AUG 1996

Anwar-Umno

UMNO PECAT ANGGOTA PERWAKILAN INKAR

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Beberapa anggota perwakilan Bahagian yang telah dikesan melanggar etika dan peraturan parti menjelang Perhimpunan Agung Umno Oktober ini menghadapi tindakan digantung keanggotaan atau dipecat daripada parti.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Timbalan Presiden Umno berkata jawatankuasa disiplin dan pengurusan parti kini dalam peringkat akhir untuk mengambil tindakan terhadap beberapa wakil serta tokoh bahagian yang terbukti melanggar peraturan parti.

"Kita akan mengusulkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi yang akan datang sama ada menggantung keahlian atau memecat mereka," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Beijing pagi ini.

Semalam Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata ada perwakilan ke perhimpunan agung itu yang telah datang ke Kuala Lumpur dengan harapan untuk mendapat wang dengan menjual undi mereka.

Anwar berkata anggota perwakilan yang digantung keanggotaan atau dipecat daripada parti sudah tentu tidak dapat menghadiri Perhimpunan Agung yang dijadual dari 9 hingga 12 Okt ini.

Ketika ditanya sama ada Bahagian boleh menggantikan anggota perwakilan terbabit, beliau berkata jawatankuasa itu akan mengemukakan usul berkenaan kepada mesyuarat Majlis Tertinggi.

"Sekarang ini cadangan kita ialah supaya wakil yang mendapat undi terbanyak berikutnya (dalam pemilihan perwakilan) akan diberi peluang untuk mewakili bahagian," kata Anwar, yang juga pengerusi jawatankuasa berkenaan.

Merujuk kepada kenyataan Setiausaha Agung Datuk Mohamed Rahmat semalam mengenai adanya anggota perwakilan atau 'broker' yang datang ke hotel-hotel di ibu negara untuk mengganggu dan mengugut calon-calon, beliau berkata tindakan mereka sedang diteliti.

"Kita dah dapat senarai beberapa kalangan tersebut daripada maklumat di hotel-hotel dan kita sedang membuat kajian terperinci," katanya.

Anwar berkata beliau telah memaklumkan kepada Dr Mahathir pagi tadi mengenai keputusan mesyuarat jawatankuasa itu tiga hari lepas bahawa semua acara parti yang diadakan secara tertutup sama ada oleh anggota-anggota majlis tertinggi, pemuda dan wanita dibatalkan berkuatkuasa hari ini.

Menurutnya kegiatan tertutup itu seperti pertemuan yang diadakan sama ada oleh pemuda, wanita atau perhubungan negeri, nampaknya masih berjalan di negeri-negeri.

"Mana-mana yang didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan akan dikenakan tindakan disiplin," katanya.

Beliau mengesahkan bahawa beberapa calon telahpun diberikan surat tunjuk sebab setelah didapati melanggar peraturan parti.

Pada mesyuaratnya yang lepas, Majlis Tertinggi membuat keputusan melarang sebarang bentuk kempen bagi mengatasi masalah politik wang dan penyalahgunaan kuasa menjelang Perhimpunan Agung. -- BERNAMA

AZZ MAI